

# Ditukar jika tidak faham PIPP – Hishammuddin

Um - 26/11/2007

**Saya tidak akan berkompromi dengan kakitangan yang tidak memahami dan membaca pelan induk tersebut**

**HISHAMMUDDIN  
TUN HUSSEIN**  
Menteri Pelajaran

Oleh **HABIBAH OMAR**

**PUTRAJAYA** 25 Jan. – Semua pegawai Jabatan Pelajaran negeri (JPN) dan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) diingatkan supaya memahami pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) dengan baik atau mereka tidak akan dinaikkan pangkat serta ditukarkan ke tempat lain.

Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, beliau tidak akan berkompromi dengan kakitangan yang tidak memahami dan membaca pelan induk tersebut memandangkan pegawai JPN dan PPD merupakan golongan yang penting dalam pelaksanaan PIPP.

Pelan Induk itu, katanya, merupakan pelan untuk tempoh lima tahun namun jika pelaksanaannya tidak difahami oleh para pegawai, mereka akan berhadapan dengan kesulitan ketika berinteraksi dengan ibu bapa dan masyarakat.

“Jika tidak faham, jangan haraplah mereka akan naik ke kedudukan lebih tinggi dari kedudukan sedia ada, itu pun dikira bernasib baik, kalau tak kita pindahkan ke tempat lain. Macam mana nak letak mereka di tempat yang lebih tinggi kerana di peringkat itu pun tak boleh memahaminya.

“Bukan saya suruh fikirkan pelan induk baru, pelan induk ini terpampang di hadapan muka mereka, jadual telah ditetapkan, peruntukan telah disediakan, kalau ada masalah, beritahu kepada kita tetapi alasan bahawa mereka tidak memahaminya kerana tak baca, itu saya tak boleh terima,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan beberapa buah buku terbitan Kementerian Pelajaran di sini hari ini.

Buku-buku berkenaan ialah Buku Panduan Pengurusan Sekolah Berkesan, Buku Panduan Penggunaan Pusat Akses Seko-

lah, Bibliografi Bahan-bahan Terbitan Kementerian Pelajaran Malaysia 2006, Terma Rujukan Konsep Guru Cemerlang dan Info Program Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dan Bahasa Inggeris (PPSMI).

Menurut Hishammuddin, beliau akan mengumpulkan semua 127 PPD serta JPN tidak lama lagi dan semua pegawai perlu membuktikan bahawa mereka mengetahui apa yang diharapkan oleh kementerian dalam pelaksanaan PIPP.

“Dengan jumlah 127 PPD itu, saya dapat mengenali mereka dan kita akan tanya mengenai pelan induk itu, kalau tak tahu, siap. Ini (mengumpulkan pegawai) kaedah terbaik, kalau tak berkesan kita cari kaedah lain, kalau itu pun tak jalan kita akan cari pegawai lain,” katanya.

Sementara itu, Hishammuddin berkata, beliau akan mengumumkan usaha untuk memantapkan JPN dan PPD melibatkan perjawatan dan penempatan semula kuasa pegawai pada 8 Februari ini.

Ketika ini, jelasnya ia berada di peringkat akhir dan langkah itu dilakukan kerana kementerian serius dalam usaha melaksanakan PIPP terutama untuk mencapai matlamat memberikan laporan dua kali setahun kepada orang ramai mengenai pelaksanaan pelan induk itu.

“Kita akan umumkan butiran lanjut pada 8 Februari ini bagi memperkuatkan lagi keupayaan di peringkat daerah. Yang penting bukan nak tengok kelemahan, saya tidak mahu lihat ke belakang lagi, yang penting saya nak PIPP dilaksanakan.

“Pelan induk ini bukan pelan induk saya sendiri, ini merupakan pelan induk kita bersama sebagai warga Kementerian Pelajaran. PIPP ini telah dimulakan di semua lapisan termasuk daerah, suka tak suka, pegawai terbabit kena bagi maklum balas dan kita akan sediakan laporan dari segi pelaksanaannya,” katanya.